



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28/7/2018	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perkenal konsep pelupusan ruang udara

PUTRAJAYA - Kerajaan sedang mengkaji untuk memperkenalkan konsep pelupusan ruang udara (spatium) supaya hakmilik ruang dapat dikeluarkan bagi tujuan pembangunan bandar, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata, ia adalah antara langkah untuk menggubal perundangan yang selaras dengan hasrat pembangunan negara ke arah pengurusan dan pentadbiran tanah yang lebih cekap dan berkesan.

Spatium adalah konsep bagi mewujudkan pembangunan bertindih di atas pembangunan sedia ada dan pewujudan pemilikan berlapis dengan lot isipadu di bawah dan di atas permukaan tanah, bertujuan memenuhi keperluan permintaan tanah yang semakin tinggi.

"Masih banyak lagi cabang pentadbiran tanah yang boleh diteroka untuk menambah baik perkhidmatan," kata Dr Wan Azizah ketika berucap pada sambutan Hari Tanah Negara, semalam.



Dr Wan Azizah pada Majlis Perasmian Persidangan dan Majlis Sambutan Hari Tanah Negara 2018, semalam.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan juga berhasrat memperkenalkan satu bentuk dokumen hakmilik tanah elektronik dan mewujudkan skim pajakan persendirian untuk membuka potensi pembangunan tanah.

"Kita juga sedang mengkaji pindaan ke atas Akta Hakmilik Strata bagi membolehkan pelaksanaan peremajaan bandar. Ia adalah untuk menyelesaikan isu urban decay di bandar-bandar

yang berusia seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan Georgetown," katanya.

Beliau berkata, memandangkan kadar urbanisasi meningkat kepada kira-kira 75 peratus sejak 70-an, maka pentadbiran tanah perlu bersedia menampung peningkatan penduduk terutama di bandar-bandar.

"Oleh itu, saya harap undang-undang dipinda bagi wujudkan Rizab Kekal Negara," katanya. - Bernama